

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA****NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh
75450 Melaka

Tel:06-2895000
Faks:06-2345201 / 5202 / 5207
Web:<http://portalpp.anm.my/melaka>

Ruj.Kami : ANM(UKPP)MEL/12JLD.2 (22)
Tarikh : 14 Mei 2024
Bersamaan : 5 Zulkaedah 1445H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Di bawah seliaan JANM Melaka.

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN KERJA BIL. 22/2024/P : PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN
(SECOND VALIDATION) PEMBAYARAN EMOLUMEN PEGAWAI AWAM
PERSEKUTUAN**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat Jabatan ini di dalam kandungan yang sama bertarikh 13 Januari 2023, 22 Mac 2023, 5 April 2023, 15 November 2023, 13 Disember 2023 dan 21 Februari 2024 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan melaksanakan semakan tambahan (*second validation*) bermula dengan pembayaran emolumen Pegawai Awam Persekutuan mengikut bank secara berperingkat. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan akauntabiliti dan integriti proses pembayaran Kerajaan dan memastikan pembayaran disalurkan kepada penerima yang sebenar.
3. Sehubungan dengan itu, bank seperti senarai di bawah telah dipilih untuk melaksanakan semakan tambahan bayaran emolumen Pegawai Awam Persekutuan bagi Fasa 2(i). Bersama-sama ini juga dikemukakan semula Surat Edaran BPOPP Bilangan 1 Tahun 2023 untuk makluman dan rujukan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya.

Bil.	Bank	Pelaksanaan Second Validation dijadualkan bermula
1.	Bank Simpanan Nasional	Jun 2024
2.	Co-opbank Pertama Malaysia Berhad	Jun 2024
3.	Hong Leong Bank Berhad	Jun 2024

4. Adalah menjadi tanggungjawab PTJ untuk memastikan;-
 - 4.1 Maklumat **nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan kod bank** di dalam Modul *Human Capital Management* (HCM) adalah **SAMA** dengan maklumat di sistem bank. **Perbezaan** maklumat antara Modul HCM dan sistem bank akan menyebabkan pembayaran **gaji pegawai tidak berjaya**;
 - 4.2 **Satu akaun bank** sahaja boleh digunakan bagi pembayaran kepada penjawat awam melalui kod vendor EMPLOYEE (EMP) untuk bayaran emolumen kepada Penjawat Awam melalui Modul **HCM (Payroll)** dan bayaran lain di Modul *Account Payable* (AP) iGFMAS; dan
 - 4.3 Penggunaan akaun-akaun berikut adalah **tidak dibenarkan** bagi semua jenis pembayaran **kepada Penerima Bayaran pegawai awam**.
 - a. Akaun Bank Syarikat (Perniagaan Tunggal);
 - b. Akaun Bersama (*Joint Account*);
 - c. Akaun syarikat atas nama pegawai awam;
 - d. Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB);
 - e. Akaun Tabung Haji; dan
 - f. Akaun lain yang ditetapkan oleh JANM dari semasa ke semasa.
5. Sebarang persoalan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada mana-mana pegawai Unit Pengurusan Khidmat Pelanggan (UKPP) JANM Melaka di talian 06-2895000.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"

"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

"MALAYSIA MADANI!"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya Yang Menjalankan Amanah,


(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CFFA(UK), C.A.(M))
Pengarah,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka